

Headline **Mimos, Unimas Tubuh Pusat Teknologi Semantik**
Date **05. Apr 2008** Language **MALAY**
Media Title **Utusan Malaysia** Page No **20**
Section **Ekonomi** Article Size **163** cm2
Circulation **238082** Frequency **Daily**
Readership **833287** Color **Full Color**



Mimos, Unimas tubuh Pusat Teknologi Semantik



KUALA LUMPUR 4 April - MIMOS Bhd. (Mimos), pusat penyelidikan aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi Malaysia, hari ini memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) untuk menubuhkan Pusat Kecemerlangan Dalam Teknologi Semantik.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Mimos, Datuk Abdul Wahab Abdullah (gambar) berkata, teknologi semantik merupakan teras pembangunan Web 3.0 untuk generasi masa depan supra-

ya pengetahuan menjadi bahagian penting dalam kehidupan harian.

"Dalam usaha bagi memastikan negara ini diiktiraf sebagai masyarakat Web 3.0 yang pertama di dunia, Mimos berperanan sebagai pemangkin dalam pembangunan pusat ini.

"Pusat ini bertujuan membangunkan kepakaran dalam teknologi semantik, justeru mewujudkan masyarakat yang berpengetahuan sebagai satu kenyataan," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Semantik ialah kajian tentang makna manakala teknologi semantik yang merangkumi piawaian dan kaedah perisian menyediakan makna yang lebih jelas untuk pengetahuan orang ramai.

Buat masa ini, Mimos bekerjasama dengan Fakulti Komputer Sains dan Teknologi Maklumat Unimas terhadap inisiatif pengeluaran Teknologi Bahasa untuk diperdagangkan sebagai bahasa berpangkalan teknologi.

Unimas telah dipilih kerana ia mempunyai jisim genting dalam kecerdasan buatan (AI) dan ada-

lah satu-satunya universiti di Malaysia dengan jabatan-jabatan AI dalam dua fakulti berasingan iaitu, Sains Kognitif dan Komputer Sains.

Pusat tersebut merupakan sebahagian usaha Mimos membantu universiti-universiti ke arah mencapai Hala Tuju Teknologi Kebangsaan.

Ia berperanan sebagai kompas untuk para penyelidik menghasilkan sesuatu yang bermanfaat daripada aspek strategik, sosial dan ekonomi ke arah mencapai aspirasi kebangsaan berkenaan.